



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

**EKSPERIMENTASI VISUAL : EKSPRESI PERGERAKAN KAKI YANG
BERGELANG SALANGAI DALAM TARIAN *BHARATA NATYAM***

Thiviya a/p Arumugam

Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian

(Seni Halus)

2018

**EKSPERIMENTASI VISUAL: EKSPRESI PERGERAKAN KAKI YANG
BERGELANG SALANGAI DALAM TARIAN *BHARATA NATYAM***

THIVIYA A/P ARUMUGAM

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian
(Seni Halus)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2018

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (√)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the

Student's Declaration:

I **THIVIYA A/P ARUMUGAM, (55102), FACULTY OF APPLIED AND CREATIVE ARTS** hereby declare that the work entitled ***EKSPERIMENTASI VISUAL: PERGERAKAN KAKI YANG BERGELANG SALANGAI DALAM TARIAN BHARATA NATYAM*** is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

Date submitted

Thiviya a/p Arumugam (55102)

Supervisor's Declaration:

I **AWANGKO HAMDAN PGN ARSHAD.** hereby certifies that the work entitled ***EKSPERIMENTASI VISUAL: PERGERAKAN KAKI YANG BERGELANG SALANGAI DALAM TARIAN BHARATA NATYAM*** prepared by the above named student, and was submitted to the **FACULTY OF APPLIED AND CREATIVE ARTS** as a fulfillment for the conferment of **BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS (FINE ARTS)**, and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work

Received for examination by: _____
(Awangko Hamdan Pgn Arshad)

Date: _____

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

CONFIDENTIAL(Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*

RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*

OPEN ACCESS

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirm with free consent and willingly declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature _____
(Date: _____)

Supervisor signature: _____
(Date: _____)

Current Address:

No,B305,Taman Sri Mahsan ,
72100, Bahau,
Negeri Sembilan.

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

PENGAKUAN

Projek bertajuk **Eksperimentasi Visual Pergerakan Kaki Yang Menggunakan *Salangai*** **Dalam Tarian *Bharata Natyam*** telah disediakan oleh **Thiviya A/P Arumugam** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Seni Halus**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Awangko Hamdan Pgn Arshad)

Tarikh:

PENGHARGAAN

Syukur kepada tuhan kerana dengan limpah kurniaNya pengkaji dapat menyiapkan kajian ini sebagai melengkapkan keperluan kursus Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian (Seni Halus), di Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Kota Samarahan, Sarawak. Pada dasarnya kajian ini dibuat untuk melihat ekspresi pergerakan kaki yang bergelang salangai dalam tarian bharata natyam secara visual. Memang pengkaji akui bahawa dari segi sumber untuk melengkapkan kajian ini agak mudah diperoleh, namun untuk mendapatkan sumber pertama agak sukar.

Justeru tugas ini banyak kelemahan dan kekurangan lantaran keterbatasan sumber dan waktu lebih-lebih lagi sebagai pelajar Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif yang terpaksa membahagikan masa antara aktiviti kokurikulum, kerjaya dan pelajaran. Namun begitu, kekurangan dan kelemahan ini tidaklah mengurangkan rasa hormat dan terima kasih pengkaji kepada pihak-pihak yang telah membantu dan mendorong pengkaji untuk menyelesaikan kajian ini. Sehubungan itu, pada kesempatan ini pengkaji ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pensyarah Encik Awangko Hamdan Pgn Arshad, selaku penyelia kerana dengan sabar membimbing pengkaji dan banyak meluangkan waktu daripada penyediaan kertas cadangan hinggalah kajian selesai disiapkan. Juga terima kasih kepada Encik Mohamad Zamhari bin Abol Hassan selaku pensyarah dan Teddy Albert selaku jurugambar yang banyak menolong dalam mendokumentasikan setiap pergerakan secara visual. Pengkaji juga berterima kasih kepada keluarga tercinta yang telah memberikan komitmen yang tinggi dan amat memahami tugas pengkaji sebagai seorang pelajar pengajian jarak jauh. Tanpa komitmen mereka mungkin pengkaji tidak sampai ke tahap ini.

Penghargaan juga ditujukan kepada rakan-rakan sepengajian yang telah sama-sama mengharungi pahit manis dalam meneruskan pengajian, yang banyak membantu pengkaji dalam pembelajaran dan memberikan buah fikiran sepanjang tempoh pengajian khususnya dalam melaksanakan kajian ini. Sesungguhnya dengan berkat usaha kita bersama, maka kejayaan telah menjadi milik kita semua.

ISI KANDUNGAN	HALAMAN
Borang Pengesahan Status Laporan.....	i - ii
Pengakuan Pelajar.....	iii
Penghargaan.....	iv
Isi Kandungan.....	v -vi
Abstrak.....	vii
Abstract.....	viii

1.0 EKSPERIMENTASI VISUAL: EKSPRESI PERGERAKAN KAKI YANG BERGELANG SALANGAI DALAM TARIAN BHARATA NATYAM

1.0 Pengenalan.....	1
1.1 Latar Belakang Kajian.....	2 – 5
1.2 Masalah Kajian.....	6
1.3 Objektif Kajian.....	7
1.4 Persoalan Kajian.....	7
1.5 Skop Kajian.....	8
1.6 Kepentingan Kajian.....	8

2.0 KAJIAN LITERATUR

2.0 Artis Rujukan Pertama : Konsep dan Penyampaian.....	9 - 11
2.1 Artis Rujukan kedua : Ekspresi Visual dan Objek Budaya.....	11 - 13
2.2 Artis Rujukan Tambahan.....	13 – 15

3.0 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Rujukan Bahan Bacaan.....	16 – 17
3.2 Pemerhatian.....	17
3.1.1 Karya.....	17 – 18
3.1.2 Adegan Filem.....	18 – 19
3.1.3 Eksperimental.....	20 - 24

4.0 HASIL DAPATAN KAJIAN

4.0 Proses Eksperimental	25 – 27
4.1 Proses Penghasilan Karya.....	28 – 30

5.0 PENJELASAN KARYA

5.1 Penjelasan karya.....	31 - 32
---------------------------	---------

6.0 KESIMPULAN.....

RUJUKAN.....	34 - 39
---------------------	----------------

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk melihat ekspresi pergerakan kaki yang bergelang *salangai* dalam tarian *bharata natyam* secara visual. Pengkaji mengenalpasti tentang pelbagai jenis pergerakan kaki yang mempunyai elemen ekspresi dalam tarian ini. Seterusnya, pengkaji menganalisis ekspresi pergerakan kaki yang bergelang *salangai* secara visual dalam tarian untuk diadaptasikan dalam bentuk karya kontemporari. Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk rujukan, pemerhatian dan eksperimentasi bagi memantapkan pengumpulan data kajian. Pengkaji memberi penegasan terhadap ekspresi pergerakan kaki secara visual melalui ekspresi daripada aksi hentakan kaki pada permukaan yang ditabur dengan serbuk kolam. Ekspresi ini dipertingkatkan selanjutnya dengan paduan gemerengingan loceng pada gelang kaki. Adalah diharapkan kajian ini dapat memberi pengalaman yang baru kepada audiens untuk melihat ekspresi pergerakan kaki tarian tradisional.

ABSTRACT

This study was conducted to observe the visual expression derived from the movement of the feet wearing *Salangai* in *Bharata Natyam* dance. The researcher identifies various types of feet movements that portrays expressive element in the dance. The visual expression of the feet movements in the dance was analysed for adaption in the form of contemporary works. The researcher employed a qualitative approach in the form of reference, observation and experimentation to acquire substantial data collection. The researcher emphasizes the visual expression through the stomping of the feet onto the surface filled with kolam powder. The expression was further enhanced by the harmonious ringings of the bell from the anklet. It is hoped that this study could provide a new experience to the audience to see the expression from movement of the feet in traditional dance

1.0 EKSPERIMENTASI VISUAL: EKSPRESI PERGERAKAN KAKI YANG BERGELANG SALANGAI DALAM TARIAN BHARATA NATYAM .

1.1 PENGENALAN

Penyelidikan ini dijalankan bagi menunjukkan ekspresi pergerakan kaki yang bergelang salangai (gelang kaki tarian bhara ta natyam) secara visual melalui tarian *bharata natyam* (selepas ini ditulis sebagai *bn*) dalam karya eksperimental. Tarian *bn* mempunyai pelbagai pergerakan yang bermula dari kepala hingga ke kaki dan setiap pergerakan ini membawa maksud tersendiri. Penari perlu peka dengan setiap pergerakan ini untuk menyampaikan sebuah cerita dengan betul. Dalam kajian ini pergerakan kaki menjadi fokus utama. Kajian ini mengenalpasti pelbagai jenis pergerakan kaki yang mempunyai elemen ekspresi dalam tarian *bn*. Tarian *bn* merupakan tarian yang membawakan pelbagai makna dengan pergerakan dan bunyi gelang kaki. Penari akan mengekspresikan perasan melalui pergerakan. Kebanyakan ekspresi seorang penari dapat dilihat melalui pergerakan muka dan tubuh melalui tarian *bn*. Oleh itu, kajian ini menganalisis ekspresi pergerakan kaki yang bergelang salangai secara visual dalam tarian *bn*. Selain itu, kaedah eksperimental dilakukan untuk mendapatkan visual yang menunjukkan ekspresi pergerakan kaki itu dengan jelas. Kajian ini disampaikan dalam bentuk video dan gambar untuk melihat setiap pergerakan kaki yang mempunyai ekspresi tersendiri. Kajian ini secara keseluruhan dijalankan untuk menunjuk bagaimana melihat ekspresi pergerakan kaki secara visual melalui tarian *bn*.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Menurut Sondra (1996), tarian adalah ungkapan estetika tubuh manusia dan badan itu menjadi estetik yang dibina dalam tarian. Selain itu, menurut Andree (2000), istilah tarian merujuk kepada satu siri gerakan yang dilakukan secara individu dan berkumpulan yang mempunyai corak pergerakan. Setiap manusia berlatih untuk menari dengan mempersembahkan tarian sendirian, berdua atau secara berkumpulan. Mereka menggunakan tarian untuk menyatakan sejarah masa lalu dan menjadikan tarian sebagai senaman diri mereka. Tarian juga menjadi persediaan untuk pertarungan atau menunjukkan protes tanpa bersuara.

Merujuk Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) tarian tradisional India telah pun wujud selama beribu tahun dahulu. Dengan itu, kebudayaan India sangat kaya dengan pelbagai jenis tarian suku kaumnya. Tarian India boleh dibahagikan kepada gaya klasik dan gaya tradisional. Antara tarian gaya klasiknya ialah;

- Bharata Natyam (*bn*)
- Kuchipudi
- Odissi
- Kathak
- Kathakali
- Manipuri

Bharata natyam, (Sanskrit: *natya shastra*) merupakan tarian klasik utama di India yang berasal dari Tamil Nadu dan lazimnya di selatan India. *Bn* mempersembahkan tarian yang berunsur agama dan ibadat agama Hindu. Tarian ini mempunyai teknik pergerakan yang jelas. Pergerakan kaki tarian ini dapat mengalahkan irama lagu yang dimainkan. Setiap pergerakan

mempunyai maksud tersendiri. Selain itu, pergerakan tangan menunjukkan bahasa isyarat untuk menceritakan hikayat-hikayat agama Hindu.

Menurut Kamus Dewan Edisi keempat (2005), gelang merupakan sesuatu perhiasan berupa bulat yang dipakai pada tangan atau kaki. Contohnya dayung gelang nipis yang hujungnya seperti sudu, kana gelang sebagai perhiasan untuk anak-anak atau pengantin, keroncong gelang kaki yang bergemerengcing dan sebagainya. Gelang dipakai pada pergelangan tangan bahagian tangan dekat buku tangan dan kaki bahagian kaki dekat buku kaki. Salangai atau *ghungroo* merupakan gelang kaki tarian tradisional kaum India. Menurut Rangarshee (2008), salangai ialah satu gelang kaki penari tradisional yang dipakai semasa tarian tradisional kaum India, ia juga dipanggil *ghungroo* dalam bahasa Hindi. Selain itu, menurut Kalyani (2009), salangai adalah loceng kecil yang diperbuat daripada tembaga atau logam, ia digantung bersama-sama untuk membentuknya gelang kaki yang mengeluarkan muzik, yang dipakai oleh penari *bn*, penggunaan gelang kaki ini tidak dapat dielakkan dalam tarian tradisional kerana ia memberi keseimbangan dalam tarian dan mengeluarkan irama bunyi.



Fig. 1 : Salangaiyin Ozhiye Veadham(2007)
 Sumber : Supeetha@black_magic_creations

Dalam Tarian *bn* terdapat dua jenis pergerakan iaitu abstrak dan ekspresif. Pergerakan abstrak dilakukan untuk menunjukkan irama, memberikan hiasan, dan mencipta kecantikan serta tidak ada tujuan hanya bergerak demi kepentingan sendiri. Pergerakan ekspresif menyampaikan makna dan menunjukkan emosi melalui pergerakan tangan, kaki, badan dan wajah. Pergerakan ini menggambarkan tema atau perasaan, dan menghantar pengalaman menari kepada penonton. Menurut Rangashree (2008), pergerakan *bharata natyam* adalah unik kerana tarian ini berkongsi unsur dengan tarian India klasik yang lain, tetapi tidak ditemui dalam gaya tarian barat. Tarian *bn* sering digambarkan sebagai geometri, kerana terdapat banyak pergerakan geometri. Tarian ini dinamik, bertenaga dan seimbang. Terdapat beberapa pergerakan dalam tarian *bn* ini. Antaranya ialah ;

- **Shirobhedha** ➡ Pergerakan kepala
- **Greevabhedha** ➡ Pergerakan Leher
- **Drushtibhedha** ➡ Pergerakan Mata
- **Bhramari** ➡ Pergerakan Lingkaran

- **Chari**  Pergerakan Kaki
- **Hastas / Mudras**  Pergerakan Tangan
- **Utplavana**  Melompat
- **Gatibhedha**  Berjalan
- **Paadabhedha**  Berdiri

Kajian ini menggunakan kaedah eksperimental untuk mendapatkan ekspresi pergerakan kaki yang bergelang secara visual melalui tarian *bn*. Selain itu, maklumat dari jurnal, buku, gambar dan laporan lepas digunakan untuk menyokong kajian. Tambahan lagi, pengkaji merujuk laman sesawang untuk mendapat maklumat dari pengajar tarian tradisional mengenai tarian *bn*. Pengkaji juga menggunakan kaedah temu bual untuk mendapatkan maklumat terkini dari penari tarian *bn*.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk melihat ekspresi pergerakan kaki yang bergelang salangai secara visual melalui tarian *bn*. Menurut artikel Shwetha Vipin (2014) kualiti yang penting sebagai seorang penari *bn* adalah keupayaan untuk menumpukan perhatian pada setiap pergerakan seperti kaki dan tangan dan mengekalkan ekspresi setiap pergerakan. Menurut kajian Jadhav (2014), pergerakan, dan perhiasan tarian *bn* sangat penting bagi menunjukkan kepentingan dan kekuatan tarian ini. Selain itu, menurut Winarno, Hendro(2015), tarian *ngremo* orang jawa juga mementingkan penggunaan perhiasan dan pergerakan tangan dan kaki. Tarian *bn* mempunyai pergerakan yang banyak. Audiens biasanya boleh melihat ekspresi pergerakan muka dan tangan dengan jelas tetapi ekspresi pergerakan kaki susah untuk dilihat. Pergerakan kaki tidak begitu diutamakan oleh audiens kerana audiens perlu tunduk ke bawah untuk melihatnya. Tambahan lagi, ramai tidak mengetahui tentang kepentingan kaki dan gelang yang dipakai oleh seorang penari tarian *bn*. Kajian ini dijalankan untuk menunjukkan ekspresi pergerakan kaki yang menggunakan salangai secara visual melalui tarian *bn*. Dengan ini, audiens akan mendapat pengalaman tanpa mereka menari dan mereka dapat mengetahui kepentingan pergerakan kaki yang bergelang salangai dalam tarian *bn*.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk ;

- a) Mengenalpasti pelbagai jenis pergerakan kaki yang mempunyai elemen ekspresi dalam tarian *bn*,
- b) Menganalisis ekspresi pergerakan kaki yang bergelang salangai secara visual melalui tarian *bn* , dan
- C) Mengaplikasikan ekspresi pergerakan kaki yang bergelang salangai secara visual dalam tarian BN melalui karya kontemporari.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

- a) Apakah elemen ekspresi yang terdapat dalam pergerakan kaki dalam tarian *bn* ?
- b) Bagaimanakah menunjukkan ekspresi pergerakan kaki yang bergelang salangai secara visual melalui tarian *bn*?
- c) Bagaimanakah ekspresi pergerakan kaki yang bergelang salangai dalam tarian *bn* ini divisualkan melalui karya kontemporari?

1.6 SKOP KAJIAN

Kajian ini memfokuskan pada ekspresi pergerakan kaki yang bergelang salangai dalam tarian *bn* secara visual. Pengkaji akan mengenalpasti jenis-jenis pergerakan kaki yang terdapat dalam tarian *bn*. Hal ini adalah untuk menunjukkan ekspresi pergerakan kaki yang bergelang salangai dalam tarian BN melalui pengkaryaan kontemporari. Pergerakan kaki yang bergelang salangai menjadi subjek utama kajian ini. Hal ini kerana pergerakan kaki yang bergelang salangai merupakan kekuatan bagi tarian BN dan ia menunjukkan budaya kaum India. Oleh yang demikian, maklumat-maklumat dapat terkumpul dan seterusnya dapat menjadi petunjuk kepada pengkaji untuk menganalisis ekspresi pergerakan kaki yang bergelang salangai secara visual dalam bentuk karya kontemporari.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk menunjukkan ekspresi pergerakan kaki yang bergelang salangai secara visual melalui tarian *bn*. Pergerakan kaki sangat penting dalam tarian *bn* kerana di bahagian kaki sahaja penari akan memakai salangai yang mengeluarkan bunyi yang unik. Salangai merupakan suara kepada pergerakan kaki seorang penari. Audiens boleh melihat ekspresi muka dan tangan secara spontan tetapi ekspresi pergerakan kaki tidak dapat mereka lihat dengan mata yang kasar. Oleh itu kajian ini sangat penting untuk memberi audiens pengalaman untuk melihat ekspresi pergerakan kaki yang digabungkan dengan bunyi dari salangai secara visual.

2.0 KAJIAN LITERATUR

Sorotan daripada kajian lepas banyak membincangkan mengenai kajian pergerakan yang terdapat dalam tarian *bn*. Pada awal kajian ada dinyatakan bahawa pergerakan kaki tidak begitu diberi perhatian atau audiens lebih fokus pada pergerakan tangan dan ekspresi muka. Pergerakan sangat penting dalam tarian *bn* kerana ia menunjukkan kekuatan dan perjalanan cerita tanpa bersuara (Jadhav :2014). Ini turut disokong dengan kajian (Vipin:2014) yang menyatakan tentang pergerakan dalam tarian *bn* sangat penting kepada penari.

Dalam kajian ini , terdapat beberapa buah buku rujukan yang dirujuk. Buku rujukan yang utama dalam kajian ini adalah, *Bharata natyam an Indian classical dance form; a study*. Kandungan dalam buku ini memudahkan kajian ini kerana terdapat banyak maklumat yang penting mengenai pergerakan kaki tarian *bn*. Melalui buku ini pengkaji dapat mengenalpasti jenis-jenis pergerakan dan maksud setiap pergerakan yang terdapat dalam tarian *bn*. Selain itu, pengkaji dapat menganalisis pergerakan kaki yang menunjukkan ekspresi. Ini membantu untuk menjawab objektif kajian ini dengan jelas,

2.1 Artis Rujukan Pertama : Konsep dan Penyampaian

Heather Hansen adalah seorang seniman dan penari yang berasal dari New Orleans, Paris. Beliau terkenal dengan lukisan kinetiknya yang dipersembahkan melalui seni pertunjukan yang menggunakan tarian. Tubuhnya menjadi alat melukis dalam skala besar yang menggunakan arang atau pastel. Beliau menghasilkan cara yang elegan dan kreatif untuk menangkap gerakan tarian di atas kertas.

Pengkaji mengambil konsep dan cara penyampaian yang digunakan oleh Heather Hansen. Beliau menggunakan tarian dan pergerakan sebagai platform utama untuk menyampaikan lukisan kinetiknya. Beliau menggunakan pergerakan tubuh iaitu kaki, tangan semua untuk menghasilkan sebuah lukisan yang menggunakan arang dan membentuk lukisan kinetik. Antara contohnya karya yang dihasilkan melalui pendekatan ini ialah ;




Fig 2: Harmonic Series

Artis : Heather Hansen

Media : Arang atas Kerta

Sumber : <https://www.tes.com/lessons/mw9jc30tCR9eYw/a-heather-hansen>

Sewaktu beliau menari di atas kertas, beliau menandakan pergerakannya dengan arang, secara beransur-ansur membina sebuah rajah yang cantik menggunakan tarian ritualnya. Beliau juga telah membuat video yang dipanggil "Isyarat Terjejas" yang memaparkan rekod studio karya yang anggun dan dramatik bagi mereka yang tidak dapat melihatnya secara langsung.

Hansen berkata “gerak isyarat adalah percubaan dalam melukis lukisan kinetik. Dalam siri ini, beliau mencari cara untuk memuat turun pergerakannya terus ke kertas, gerak isyarat dari satu bentuk ke bentuk yang lain dan mencipta sesuatu yang baru dalam proses" Hansen adalah seorang artis yang sangat produktif.

Oleh itu, pengkaji memilih Heater Hansen sebagai rujukan untuk menghasilkan karya beliau yang berkaitan rapat dengan konsep dan penyampaian. Pengkaji akan menerapkan cara penyampaian Heather Hansen dalam karya akhir iaitu menggunakan tarian *bn* sebagai platform untuk menyampaikan ekspresi pergerakan kaki yang bergelang salangai melalui visual yang dirakamkan.

2.2 Artis Rujukan Kedua : Ekspresi Visual Dan Objek Budaya

(a) Sivarajah Natarajan

Sivarajah Natarajah merupakan seorang pelukis figuratif yang terpenting dalam melukis pergerakan tarian tradisonal. Beliau seorang graduan Seni Halus dari Institut Kesenian Malaysia (1992), bakatnya yang luar biasa sebagai jurugambar, *lighting* dan pereka pentas telah menemui ekspresi dan memperlihatkan produksi dan penerbitan yang tidak terhitung kepada yayasan Sutra. Beliau telah melibatkan diri dalam pelbagai bentuk tarian seperti bharatanatyam, odissi, makyong, utama 'teri, menora, chhau (Seraikalla dan Majurbhanj), kudiyyattam, gotipu dan tarian teater lain di yayasan Sutra selama 20 tahun. Pengalaman ini telah memberi pendedahan yang luas kepada Sivarajah tentang nuansa kesenian dan penghasilan visual. Melalui pengalamannya sebagai seorang penari, Sivarajan menzahirkan roh tarian ke dalam lukisan beliau. Ekoran daripada sumbangan dalam dunia tarian dan lukisan tarian, Sivarajah telah dianugerahkan sebagai pemegang amanah yayasan Sutra.

Kebanyakan karya beliau menggunakan objek budaya yaitu tarian tradisional India yang menunjukkan ekspresi terperinci gerakan serta aksoseri penari tradisional. Pengkaji menggunakan pendekatan yang hampir sama yaitu mengekspresikan pergerakan kaki yang bergelang salangai dalam bentuk visual. *Shakti* (1996) dan *Expression VIII* (2014) adalah antara contoh karya beliau.



Fig 3 : *Shakti* (1996)

Artis : Sivarajah Natarajan

Dimensi : 113cm X 109cm

Media : Media campuran atas kanvas

Sumber: <https://www.mutualart.com/Artist/Sivarajah-Natarajan/B5AF6D1181A23284>



Fig 4: Expression VII (2014)
Artis : Sivarajah Natarajah
Dimensi : 55cm X 75cm
Media : media campuran atas kanvas
Sumber : <https://www.mutualart.com/Artist/Sivarajah-Natarajan/B5AF6D1181A23284>

Pengkaji mendapati kebanyakannya karya Sivarajan menonjolkan ekspresi muka, pergerakan tangan dan lenggokan gerak badan. Selain itu, beliau gemar menggunakan pergerakan dalam tarian *odissa* untuk menghasilkan lukisan dan karya fotografi. Manakala pengkaji bercadang untuk mengeksplorasi pergerakan kaki yang bergelang salangai dalam tarian *bn* untuk melihat ekspresinya secara visual.

2.3 Artis Rujukan Tambahan

Beberapa karya lain juga dirujuk bagi memantapkam lagi kajian ini. Pengkaji memilih karya Jeyaprakash sebagai contoh yang menceritakan tentang Irama Gelang Kaki. Beliau menghasilkan lukisan menggunakan cat air atas kertas yang menggambarkan salah

satu pergerakan kaki dalam tarian Bharatanatyam dengan memakai Salangai. Beliau menjadikan salangai sebagai subjek utama yang difokuskan dalam lukisannya.



Fig. 5: Rhythm Of Salangai (2016),
Artis : Jeyaprakash M
Media : Cat air atas kertas,
Sumber : <https://fineartamerica.com/featured/rhythm-of-salangai-html>

Menurut Abdullah (2016) hiasan objek budaya mencerminkan seni persembahan budaya, ia berfungsi sebagai salah satu daripada amalan manusia sejagat dalam memaparkan identiti budaya”. “Ia juga dijadikan sebagai aksesori untuk memperlihatkan kecantikan, perlindungan, simbol status dan identiti diri, keagamaan serta kepercayaan mengikut tradisi masing-masing.” Menurut Sivarajah, pemakaian perhiasan objek budaya mempunyai maksud simbolik sejak zaman prasejarah lagi seperti topeng, tanduk dan belulang yang digunakan oleh orang primitif sebagai hiasan dan persediaan untuk persembahan dalam sesuatu tarian. Menurut beliau lagi, setiap perhiasan kepala yang dipakai melambangkan simbol keberanian, identiti dan kemuliaan yang wujud dalam pelbagai suku kaum yang ada seluruh dunia.